

Pas tidak mampu tubuh universiti

UM 16 SEP 2003

KOTA BHARU 15 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Pas tidak mampu menubuhkan universiti bagi melahirkan graduan yang berakhlak tinggi kerana pemimpin parti itu sendiri tidak bermoral sehingga sanggup mencarut dan menuduh Tuhan samseng.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya pemimpin Pas sendiri sanggup menuduh Tuhan samseng dan mencarut, ini bermakna penuntut-penuntut yang bakal mereka lahir-

kan kelak semua akan mencarut.

“Kalau dia anggap Tuhan mencarut dan Shahnun Ahmad (Ahli Parlimen Pas Sik) mencarut, bermakna dalam universiti dia (Pas), penuntut-penuntut semua akan mencarut. Tak ada moralah,” katanya pada sidang media di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli Badan Perhubungan UMNO Kelantan di Hotel Renaissance, di sini.

Beliau diminta mengulas tindakan Pas Kelantan yang beria-ia menubuhkan universiti sendiri iaitu Universiti Kelantan kerana mendakwa graduan lepasan universiti sekarang tidak berakhlak dan banyak terbabit dengan jenayah rasuah.

Dakwaan itu dilemparkan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berkata: “Graduan universiti sekarang ini banyak timbulkan masalah sebab mereka terlibat dengan

dadah, zina, jenayah, rasuah, liwat dan macam-macam lagi.”

Menurut Perdana Menteri, pemimpin Pas terlupa bahawa graduan universiti yang mereka anggap tidak berakhlak itu, turut menyertai parti berkenaan.

Mengenai masalah bekalan air bersih di Kelantan, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat akan terus menyalurkan air bersih kepada rakyat negeri ini walau pun tidak memerintah.